

BAB KEENAM

KESIMPULAN DAN CADANGAN

6.0 Pendahuluan

Bab ini merumuskan cara negeri Selangor menangani isu murtad dalam keadaan tiada undang-undang yang jelas. Begitu juga kesan-kesan yang dihadapi oleh kerajaan negeri Selangor apabila peruntukan undang-undang murtad tidak wujud. Justeru penyelidikan ini mencadangkan beberapa perkara untuk dijadikan panduan oleh pihak berkuasa agama dalam usaha memelihara kesucian agama Islam di Selangor khususnya dan Malaysia amnya.

6.1 Kesimpulan

Berasaskan kepada isu-isu yang telah dibahaskan di dalam bab-bab sebelum ini, maka penyelidik merumuskan beberapa dapatan sebagaimana di bawah :

6.1.1 Negeri Selangor Telah Meletakkan Islam pada Kedudukan yang Tinggi

Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959, telah mengiktiraf Islam sebagai agama negeri Selangor. Malah Islam menjadi syarat utama perlantikan kepada seorang Sultan, Raja Muda, Pemaيسuri, Ahli Majlis Diraja, Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri. Malah Majlis Agama Islam Selangor ditubuhkan oleh undang-undang

ini untuk menasihati Sultan disamping mufti bagi mengawal selia hal ehwal Islam di Selangor. Peruntukan ini amat bertepatan dengan keperluan menjaga agama di dalam *maqāsid shar'iyah*.

6.1.2 Kebebasan Beragama dijamin di Negeri Selangor

Perkara 47 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959 memperuntukkan mengenai kebebasan beragama di Selangor. Oleh itu semua agama dibenarkan oleh Perlembagaan Persekutuan untuk menguruskan hal ehwal agamanya, menubuh dan menyelenggara yayasan-yayasan, memperolehi serta mempunyai harta. Namun demikian orang bukan Islam tidak dibenarkan menyebarkan dakwahnya kepada orang Islam. Perlembagaan juga menegaskan bahawa kebebasan ini tidaklah sehingga boleh menimbulkan gangguan kepada ketenteraman awam, kesihatan awam dan akhlak.

6.1.3 Konflik Perundangan Masih Berlaku Dalam Isu Kebebasan Mengamalkan Agama Islam

Berdasarkan kepada kes-kes yang diputuskan di Mahkamah Sivil, kebebasan beragama dilihat dari tiga aspek. Pertama, kebebasan mengamalkan perintah agama seperti pemakaian serban dan purdah. Kedua kebebasan menentukan dan memilih agama kanak-kanak sama ada kanak-kanak tersebut memilih agamanya sendiri atau kedua ibu bapa mereka bertelingkah bagi menentukan agama anak mereka. Ketiga, kedudukan akidah dan kebebasan orang yang menganut agama Islam untuk keluar dari Islam serta bidangkuasa Mahkamah Syariah untuk membicarakan kes ini. Mahkamah memutuskan

bahawa kebebasan beragama tidak termasuk kebebasan seorang yang beragama Islam untuk keluar dari Islam¹.

6.1.4 Undang-undang Murtad Tidak Bersalahan dengan Hak Asasi Manusia

Perlembagaan Persekutuan adalah undang-undang tertinggi negara. Oleh itu, semua undang-undang antarabangsa seperti Pengisytiharan Sejagat Mengenai Hak Asasi Manusia 1948 yang memberikan jaminan kepada kebebasan beragama perlu dilihat dalam struktur undang-undang negara terutamanya Perlembagaan Persekutuan. Contohnya ialah seksyen 4, Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia 1999. Di Malaysia, tidak ada amalan orang bukan Islam dipaksa untuk memeluk Islam. Tambahan pula, orang Islam dilarang untuk murtad. Oleh itu, tidak timbul persoalan bahawa menggubal undang-undang bagi mengawal orang Islam dari murtad dianggap menindas dan menafikan hak orang Islam untuk memilih agama. Justeru adalah tidak bersalahan bagi negeri-negeri di Malaysia menggubal undang-undang murtad.

6.1.5 Dakwah Adalah Hak Eksklusif Orang Islam

Perlembagaan Persekutuan memberikan hak eksklusif kepada kerajaan persekutuan dan negeri untuk menggerakkan aktiviti dakwah Islamiyah dengan menggunakan peruntukan kerajaan persekutuan atau negeri melalui agensi-agensi Islam yang ditubuhkan di peringkat Persekutuan seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Yayasan Dakwah Islam Malaysia (YADIM) dan pertubuhan-pertubuhan Islam di

¹*Daud bin Mamat & lain –lain lwn Majlis Agama Islam & satu lagi* [2001] 2 MLJ 390

kalangan badan bukan kerajaan serta di peringkat negeri melalui Majlis Agama Islam Selangor, Jabatan Agama Islam Selangor dan pertubuhan-pertubuhan Islam di kalangan badan bukan kerajaan.

6.1.6 Falsafah Pendidikan Negara Malaysia Mendokong Pendidikan Berteraskan Ketuhanan tetapi Perlaksanaannya Masih Bersifat Sekular

Cabaran pelaksanaan pendidikan di Malaysia dan khususnya di Selangor ialah pendidikan yang dilaksanakan masih dalam kerangka sekular sedangkan falsafah pendidikan negara menekankan pendidikan berteraskan ketuhanan seperti yang dianjurkan oleh Islam. Oleh yang demikian, pendidikan berteraskan materialisma dan peninggalan kesan Inggeris terus berjalan. Lebih malang lagi apabila pendidikan Islam merupakan mata pelajaran dan bukannya sebagai sebuah sistem. Seharusnya pendidikan Islam adalah sistem pendidikan seperti yang dikehendaki di dalam semangat falsafah pendidikan negara.

6.1.7 Jumlah Pelajar, Infrastruktur dan Guru Pendidikan Islam Masih Terhad

Masih ramai pelajar Islam di Selangor tidak mengikuti kelas agama sama ada di Sekolah Rendah Agama (SRA) atau Kelas Asas Fardhu Ain (KAFA). Situasi ini mendedahkan kanak-kanak Islam kepada ancaman serangan dakyah-dakyah yang negatif. Ianya berlaku kerana kesan daripada dasar yang tidak mewajibkan kanak-kanak Islam untuk mengikuti pendidikan Islam di SRA atau KAFA. Pada masa yang sama terdapat juga sebahagian ibu bapa memilih untuk tidak menghantar anak mereka ke SRA atau

KAFA pada sebelah petang. Keadaan ini semakin meruncing apabila kemudahan infrastruktur di kelas KAFA sekarang ini yang masih uzur dengan serba kekurangan serta guru-guru yang tidak mencukupi dan kurang terlatih. Perkara ini tidak sepatutnya berlaku kerana berdasarkan perkara 12(2) Perlembagaan Persekutuan, undang-undang membenarkan penggunaan dana awam untuk pendidikan Islam. Seharusnya ia telah menjadi ruang dan peluang dalam meningkatkan sistem dan kemudahan pendidikan Islam di negara ini. Justeru langkah pihak kerajaan memperkenalkan program Jawi, al-Quran dan Asas Fardhu Ain (j.QAF) diperingkat sekolah rendah hingga menengah amat dialu-alukan demi memelihara akidah umat Islam di Selangor khususnya dan Malaysia amnya.

6.1.8 Program Dakwah Aktif tetapi Kurang disokong Oleh Peruntukan Undang-undang

Penubuhan Bahagian Pembangunan Insan Majlis Agama Islam Selangor dan Bahagian Dakwah Jabatan Agama Islam Selangor telah berjaya meningkatkan aktiviti dakwah Islamiah di Selangor. Tambahan pula, badan Islam bukan kerajaan diberi sokongan kewangan oleh Lembaga Zakat Selangor untuk menggerakkan aktiviti dakwah bagi melindungi akidah dan syariat Islam. Walau bagaimanapun, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor tahun 2003 tidak menjelaskan kedudukan Majlis Agama Islam Selangor sebagai penjaga Agama Islam walaupun undang-undang tubuh telah menyatakan kedudukan Majlis Agama Islam Selangor sedemikian. Begitu juga dalam seksyen 7 Enakmen tersebut tidak juga menjelaskan dengan nyata tentang peranan Majlis Agama Islam Selangor sebagai badan dakwah yang berautoriti di peringkat negeri.

Namun demikian, enakmen yang ada lebih menjelaskan kedudukan Majlis Agama Islam Selangor sebagai sebuah badan korporat.

6.1.9 Peraturan Masuk Islam di Selangor Lengkap

Pewartaan Peraturan-Peraturan Pendaftaran Penjagaan dan Pengajaran Bagi Muallaf (Negeri Selangor) 2009 telah berjaya membantu Majlis Agama Islam Selangor mengatasi masalah undang-undang dalam menangani pendaftaran muallaf dan program susulan selepas memeluk Islam. Peraturan ini menepati keperluan *hifz al-din* dalam *maqāsid shar'iyah* bagi meningkatkan akidah seseorang yang baru memeluk Islam. Walau bagaimanapun, faktor undang-undang sahaja tidak mencukupi. Keberkesanan pegawai pelaksana dan kerjasama para muallaf dan agensi awam yang berkaitan perlu dipertingkatkan bagi memastikan kejayaan peraturan ini menjaga akidah saudara baru.

6.1.10 Program Bimbingan Muallaf Teratur

Peraturan yang sedia ada mewajibkan semua muallaf di negeri Selangor mengikuti kelas pengajian yang telah ditetapkan. Malah, bantuan yang diberikan kepada mereka untuk mendapatkan khidmat pendidikan juga secara percuma kerana ianya dibiayai oleh Majlis Agama Islam Selangor. Begitu juga dengan kurikulum yang teratur bagi memastikan mereka yang baru memeluk agama Islam ini menguasai asas fardu ain apabila mereka memeluk agama Islam. Walau bagaimanapun, Majlis Agama Islam Selangor masih berhadapan dengan isu berkaitan keberkesanan pelaksanaan program

bimbingan kepada muallaf khususnya yang berkaitan dengan kemahiran guru dan kerjasama muallaf untuk mengikuti kelas pengajian.

6.1.11 Tiada Penguatkuasaan Undang-undang Melarang Penyebaran Dakyah Agama Bukan Islam kepada Orang Islam

Dewan Undangan Negeri Selangor telah meluluskan Enakmen Kawalan Pengembangan Agama 1988. Sehingga hari ini, dakyah agama bukan Islam berleluasa di negeri Selangor. Namun, tiada kes yang dibawa ke mahkamah atau dilaporkan di dalam mana-mana jurnal undang-undang di negeri ini. Sekiranya tiada penguatkuasaan undang-undang yang tegas, ajaran sesat dan dakyah agama bukan Islam sukar dibendung dan ianya boleh menyebabkan akidah orang Islam mudah terdedah kepada ancaman murtad.

6.1.12 Konflik di Antara Agensi Awam Sebagai Pembina dan Peruntuh

Berlaku pertembungan di antara agensi awam di Malaysia dalam melaksanakan konsep *ḥifz al-dīn*. Terdapat agensi yang membina kualiti keinsanan dan sebaliknya pada masa yang sama agensi lain meruntuhkannya pula. Contohnya, agensi-agensi agama menganjurkan program-program berteraskan Islam dan pada masa yang sama program-program tersebut telah dirosakkan oleh penganjuran program-program hiburan melampau melalui media massa iaitu media cetak dan media elektronik secara meluas oleh agensi lain.

6.1.13 Murtad Dalam Bidangkuasa Mal Adalah Berlawanan dengan *Maqāsid Shar'iyah*

Memberikan bidangkuasa mal dalam kes murtad kepada Mahkamah Tinggi Syariah adalah berlawanan dengan kehendak *maqāsid shar'iyah*. Ini kerana semua hadis berkenaan murtad dan pendapat para ulama merujuk kepada ianya adalah kes jenayah. Oleh itu meletakkan alasan *maṣlahah* untuk mewujudkan bidangkuasa mal dalam kes permohonan murtad adalah *mulghah* kerana berlawanan dengan nas syarak dan ijmak ulama. Sedangkan ukuran *maṣlahah* yang diterima dalam *maqāsid shar'iyah* hanyalah *maṣlahah mu'tabarah* dan *maṣāliḥ mursalah* sahaja.

6.1.14 Tiada Peruntukan Hukuman Murtad

Apabila murtad diklasifikasikan sebagai kes mal maka tiada peruntukan hukuman jenayah murtad dalam undang-undang di Selangor. Walau bagaimanapun, diperuntukkan hukuman terhadap cabang kepada jenayah murtad seperti *takfir*, pemujaan salah, mendakwa diri sendiri sebagai bukan Islam bagi mengelak hukuman, doktrin palsu dan dakwaan palsu.

6.1.15 Tatacara Mengendalikan Kes Murtad Belum Wujud

Masalah perundangan berkenaan murtad bukan sahaja dari sudut undang-undang semata-mata malah tatacara pengendalian kes murtad juga tidak jelas. Kesannya, 51 kes di Mahkamah Tinggi Syariah masih tergantung dan perbicaraan tidak boleh dilaksanakan

dengan lancar kerana tiada prosedur yang diperuntukkan dalam membicarakan kes mengenai murtad.

6.1.16 Institusi untuk Menangani Kes Murtad Telah Ada tetapi Tiada Bidangkuasa Undang-undang.

Selangor sebagai sebuah negeri maju telah berjaya mewujudkan institusi-institusi yang berwibawa dalam menangani isu murtad seperti Majlis Agama Islam Selangor, Jabatan Agama Islam Selangor, Jabatan Mufti, Mahkamah Syariah dan Baitul Iman. Malangnya institusi ini tidak digariskan untuknya undang-undang dan peraturan yang jelas bagi menangani dan menyelesaikan isu murtad secara kolektif dan elektif. Semua institusi ini bergerak berdasarkan arahan pentadbiran sahaja. Sehingga hari ini, masalah perundangan adalah di antara yang menjadi faktor penghalang menangani gejala murtad di Selangor.

6.1.17 Proses *Istiṭābah* yang Profesional Belum diwujudkan

Proses *istiṭābah* yang profesional dari kalangan kaunselor yang pakar dan modul yang berkesan belum diwujudkan. Oleh itu, kes-kes pesalah akidah di Baitul Iman dikendalikan dengan modul yang sama dengan pelatih yang mengikuti pemulihan dalam jenayah yang berkaitan dengan akhlak. Malah peruntukan undang-undang mengenai *istiṭābah* juga belum digubal.

6.1.18 Tatacara Menguruskan Hak-hak Mangsa Jenayah Murtad Belum digubal

Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor tahun 2003 amat jelas memperuntukkan undang-undang bagi kes yang berkaitan dengan murtad. Walaubagaimanapun perincian dari aspek pentadbiran perundangan keluarga bagi mangsa jenayah murtad belum diwujudkan. Namun demikian, peruntukan undang-undang yang berkaitan dengan harta dan hak-hak sivil yang lain seperti harta pusaka, pengurusan jenazah pesalah jenayah murtad selepas dijatuhi hukuman bunuh, penyembelihannya yang haram dimakan, tidak boleh mengimamkan solat, statusnya bukan kafir zimmi dan tiada kutipan *jizyah* daripadanya masih belum diperuntukkan. Sepertimana yang dinyatakan di atas, ini menggambarkan kedudukan perundangan mengenai murtad yang amat lemah di Selangor dan ianya memerlukan kepada penambahbaikan bagi memastikan jenayah murtad dapat di bendung di negeri Selangor.

6.2 Cadangan

Berdasarkan kesimpulan-kesimpulan di atas, maka penyelidik mencadangkan beberapa usaha penambahbaikan yang perlu bagi memastikan ancaman jenayah murtad ini dapat dibendung. Di antaranya adalah seperti berikut :

6.2.1 Tafsiran Baru kepada Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan

Para pengamal undang-undang di Malaysia hendaklah berani melakukan perubahan terhadap tafsiran Perkara 3(1), Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, Islam sebagai agama Persekutuan hendaklah ditafsirkan sebagai Islam sebagai agama negara Malaysia. Oleh itu perundangan di Malaysia adalah tertakluk kepada undang-undang Islam. Justeru perundangan Islam tidak dilihat dalam kerangka yang sempit dan terbatas sebagaimana yang difahami pada hari ini.

6.2.2 Membebaskan Diri dari Ideologi Sekular

Para pemimpin politik dan pengamal undang-undang hendaklah membebaskan diri mereka daripada pemikiran dan sikap sekular warisan penjajah Inggeris. Kita mesti membina acuan kita sendiri sebagai sebuah negara yang telah merdeka dan berdaulat. Ini tidak mustahil kerana Yang Arif Hakim Abdul Malik dalam kes *Suzie Teoh*² dan Hakim Faiza dalam kes *Hun Mun Meng*³ telah berjaya membuka dimensi baru dalam bidang perundangan Islam. Justeru, revolusi tafsiran Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan boleh berlaku. Tafsiran ini amat penting kerana ia adalah titik mula mengembalikan kedaulatan perundangan Islam di Malaysia seperti yang telah diamalkan oleh negeri-negeri Melayu sebelum mereka dijajah 498 tahun dahulu.

² *Teoh Eng Huat v Kadhi, Pasir Mas & lain-lain*[1990] 2 MLJ 300.

³ *Majlis Agama Islam Negeri Sembilan v Hun Mun Meng* [1993] 1 CLJ 179.

6.2.3 Memanfaatkan Perkara 74 Perlembagaan Persekutuan

Perkara 74(2), Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan bahawa setiap negeri di persekutuan Malaysia boleh mengubal perundangan negeri berdasarkan bidang kuasa yang diperuntukkan dan sekatan yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan. Perkara 74(4) pula menegaskan bahawa keumuman perbahasan am dalam Jadual Sembilan tidak boleh ditafsirkan sebagai terhad. Oleh itu, keluasan makna hukum shara' dalam Jadual Sembilan Senarai Dua Perlembagaan Persekutuan seharusnya dilihat dari sudut keumuman perkataan itu yang meliputi semua kandungan hukum Islam.

6.2.4 Meminda Perkara 75 Perlembagaan Persekutuan

Walaupun Perkara 74 Perlembagaan Persekutuan dilihat mesra dengan hukum syarak tetapi Perkara 75 Perlembagaan Persekutuan telah menyekat negeri untuk menggubal perundangan yang berkaitan dengan hukum syarak. Di dalam Jadual Sembilan Senarai Dua Perlembagaan Persekutuan memberi ruang yang luas kepada kerajaan negeri untuk mengubal perundangan Islam dan meletakkan Islam sebagai kuasa negeri. Tetapi Perkara 75 Perlembagaan Persekutuan mengenakan sekatan, iaitu mana-mana undang-undang negeri yang berlawanan dengan persekutuan maka perundangan negeri akan terbatal. Namun demikian, penyelidik berpandangan bahawa hukum syarak amat berbeza sama sekali dengan undang-undang sivil dari sudut sumber perundangan, falsafah, sejarah dan metodologi penggubalan. Oleh itu, hukum syarak adalah sesuatu

yang berbeza dengan undang-undang persekutuan yang tidak bersumberkan *al-Qur'ān* dan *al-sunnah* walaupun ada persamaan dari sudut jenis perundangan tersebut.

Jika Perkara 75 Perlembagaan Persekutuan masih dilihat sebagai sekatan kepada perundangan Islam yang syumul digubal, maka sewajarnya, peruntukan ini digubal dengan mengambil model pindaan perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan. Peruntukan telah meninggikan kedudukan Mahkamah Syariah sebagai badan kehakiman negeri yang tidak boleh diganggu oleh Mahkamah Sivil. Oleh itu amat wajar dalam Perkara 75 Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan memasukkan Perkara 75 (1) untuk memberikan kekecualian kepada badan perundangan negeri menggubal undang-undang berteraskan hukum syarak seluruhnya. Pindaan ini, pastinya akan menjelaskan lagi maksud dan kehendak Jadual Sembilan Senarai Dua Perlembagaan Persekutuan.

6.2.5 Melucutkan Status Melayu kepada Pesalah Murtad

Perkara 160(2) Perlembagaan Persekutuan menjelaskan orang Melayu sebagai seseorang yang menganut agama Islam, lazimnya bercakap bahasa Melayu, menurut adat istiadat Melayu dan lahir sebelum merdeka, dipersekutuan atau Singapura atau ibu bapanya telah lahir di persekutuan atau di Singapura, atau pada hari merdeka itu, ia adalah berdomisil di Persekutuan atau Singapura atau ia adalah keturunan seseorang yang tersebut. Justeru itu, tidak mungkin seorang melayu itu boleh murtad. Jika ia murtad maka ia menghilangkan kedudukan bangsanya. Sedangkan tidak ada undang-undang untuk keluar bangsa. Tambahan pula bangsa adalah sesuatu yang sehati dengan identiti

seseorang. Oleh itu, mahkamah memutuskan di dalam kes *Daud bin Mamat* bahawa kebebasan beragama tidak termasuk kebebasan untuk orang Islam keluar dari agamanya. Oleh itu, seseorang yang murtad boleh dilucutkan hak keistimewaannya sebagai orang Melayu di Malaysia.

6.2.6 Reformasi Tafsiran Jadual 9 Senarai Dua (Senarai Negeri)

Jadual 9 Senarai Dua menyatakan bahawa :

*“Kecuali mengenai Wilayah-Wilayah Persekutuan dan Labuan, **Hukum Shara’ dan Undang-Undang diri dan keluarga** bagi orang yang menganut agama Islam termasuk hukum shara’ berhubung dengan harta berwasiat dan tiak berwasiat.....”.*

Jika diteliti dengan halus, kita akan mendapati bahawa antara bidang kuasa perundangan diperingkat negeri ialah hukum syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam. Sedangkan takrif hukum syarak adalah amat luas iaitu mencakupi Islam sebagai suatu cara hidup. Manakala perkataan “termasuk” menunjukkan ia bukannya menyeluruh dan oleh kerana itu, ia boleh diperluaskan untuk merangkumi semua aspek dalam undang-undang Islam. Oleh yang demikian, para hakim di Mahkamah Syariah dan penggubal undang-undang Islam perlu berjiwa besar agar tafsiran yang sempit sebelum ini diubah bagi menjamin kedaulatan perundangan Islam. Manakala perkataan “bagi yang menganut agama Islam” hendaklah difahami bahawa perundangan Islam adalah terpakai kepada orang Islam. Oleh kerana murtad adalah kesalahan bagi orang Islam, maka hukuman kepada penjenayah murtad hendaklah difahami sebagai orang Islam yang melakukan jenayah murtad dan hendaklah dihukum mengikut hukum Islam. Seharusnya Mahkamah Syariah berbidang kuasa mengenainya.

6.2.7 Pindaan Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965

Memandangkan Malaysia mengamalkan dualisma dalam sistem perundangan negara iaitu iaitu Syariah dan Sivil, maka Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 sewajarnya dipinda sekali lagi, agar Mahkamah Syariah berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan Mahkamah Sivil. Perkara 121 (1A) dengan jelas mengiktiraf kedudukan Mahkamah Syariah sehinggakan Mahkamah Sivil tidak boleh membatalkan keputusan Mahkamah Syariah. Justeru, untuk lebih memperkasakan kedudukan Mahkamah Syariah agar sesuai dengan keperluan perkembangan undang-undang keluarga Islam, undang-undang jenayah syariah, undang-undang muamalat, perbankan Islam, takaful, sekuriti dan kewangan Islam yang lain, maka Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 hendaklah dipinda dengan mengembalikan sepenuhnya kuasa Mahkamah Syariah sepertimana sebelum negeri-negeri Melayu dijajah. Dengan perkataan lain, memerdekakan Mahkamah Syariah dari belenggu penjajahan Inggeris.

Oleh yang demikian, Jawatan Kuasa Teknikal Undang-Undang Sivil dan Syarak sewajarnya menimbang dengan serius untuk menaikkan bidang kuasa hukuman Mahkamah Syariah seperti Mahkamah Sivil. Sesuai dengan kedudukan hukum syarak sebagai undang-undang tempatan maka sudah sampai masanya berlakunya revolusi bidangkuasa di Mahkamah Syariah agar Mahkamah Syariah berada setaraf dengan kedudukan Mahkamah Sivil.

6.2.8 Reformasi Tafsiran Agama Islam Sebagai Agama Negeri

Seksyen XLVII Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor jelas menunjukkan bahawa Islam adalah agama negeri. Oleh itu para hakim syarie hendaklah menyedari hakikat ini dan berusaha dengan ruang yang ada untuk mentafsirkan bahawa Islam adalah suatu cara hidup yang meliputi segenap aspek kehidupan seorang muslim. Apabila reformasi tafsiran ini berjaya dilakukan maka ia ibarat “*master key*” untuk membuka pintu perundangan Islam seluas-luasnya bagi membolehkan hukum Islam dilaksanakan seluruhnya termasuk pelaksanaan undang-undang *hudud*, *qisas* dan *ta'zir*.

6.2.9 Agensi Islam di Peringkat Persekutuan Hendaklah diletakkan di Bawah Yang DiPertuan Agong dan Majlis Raja-Raja Melayu

Yang DiPertuan Agong (YDPA) dan Majlis Raja- Raja adalah sebuah institusi bagi menjaga agama Islam. Oleh itu Baginda memerlukan nasihat daripada pihak yang berkemahiran dalam bidang agama Islam iaitu para ulama, bagi memastikan keberkesanan melaksanakan peranan YDPA dan Majlis Raja-Raja, seperti yang dinyatakan di dalam Perkara 38 Perlembagaan Persekutuan. Kemahiran ulama pada hari ini telah diinstitusikan diperingkat Persekutuan yang dikenali sebagai Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) dan Jabatan Wakaf, Zakat Dan Haji (JAWHAR). Justeru, semua agensi agama ini sewajarnya diletakkan terus dibawah Yang DiPertuan Agong dan Majlis Raja-Raja.

6.2.10 Maksud Seksyen 7 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor Tahun 2003 Hendaklah diperjelaskan Bagi Memperkasakan Program Dakwah dan Islah

Seksyen 7 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor Tahun 2003 memperuntukan mengenai kewajipan majlis agama Islam untuk menggalakkan, mendorong, membantu dan mengusahakan kemajuan dan kesejahteraan ekonomi dan sosial masyarakat Islam di Selangor selaras dengan hukum syarak. Enakmen ini menjelaskan mengenai kesejahteraan ekonomi tetapi sebaliknya tidak dalam isu kesejahteraan sosial. Oleh itu, perlu dipinda dengan memasukkan peruntukan mengenai tanggungjawab Majlis Agama Islam Selangor untuk memelihara kesucian Islam sebagai *al-dīn* dan *daulah* agar memenuhi konsep *hifz al-dīn* dalam *maqāsid shar'iyah*.

Di samping itu, Majlis Agama Islam Selangor hendaklah memperuntukkan belanjawan tahunan yang lebih tinggi bagi menjayakan program dakwah kepada orang bukan Islam dan program *islah* dikalangan orang Islam. Begitu juga sumber tenaga manusia yang terlatih dan mencukupi bagi menjayakan aktiviti ini sama ada ia dijayakan oleh pihak majlis sendiri ataupun melalui berkejasama dengan agensi pusat seperti kementerian pelajaran atau bergabung dengan badan-badan bukan kerajaan (NGO).

6.2.11 Penguatkuasaan Undang-undang Kawalan Iktikad dan Kepercayaan Orang Islam

Enakmen Ugama Bukan Islam (Kawalan Perkembangan Di Kalangan Orang Islam) Selangor tahun 1988 hendaklah dikuatkuasakan. Undang-undang tersebut bertujuan untuk menghalang semua pihak daripada memujuk orang Islam dengan

menggunakan sebarang cara agar mereka bertukar kepada agama lain. Sama ada menerusi percakapan, penggunaan dokumen, risalah dan telefon serta kaedah lain yang difikirkan cuba mempengaruhi umat Islam berkenaan meninggalkan agama Islam. Undang-undang ini selaras dengan Perlembagaan Persekutuan yang membenarkan rakyat bukan Islam mengamalkan kepercayaan agama masing-masing tetapi pada masa yang sama tidak boleh mempengaruhi umat Islam menganuti agama lain.

6.2.12 Dasar Kerajaan yang Selaras dengan Konsep *Hifz al-Dīn*

Kerajaan negeri Selangor hendaklah menyediakan dasar yang jelas dan mesra Syariah dalam menangani masalah moral khususnya di kalangan agensi kerajaan agar wujud kesepakatan antara semua agensi kerajaan dalam menterjemahkan konsep *hifz al-dīn* dalam pemerintahan dan pentadbiran negeri. Kesepakatan ini penting bagi memastikan semua program menepati aspirasi Islam sebagai agama bagi negeri Selangor. Oleh itu, tidak akan timbul lagi pertembungan di antara agensi yang membina dan agensi yang meruntuhkan nilai-nilai keinsanan.

6.2.13 Perbahasan Fiqh Oleh Jawatankuasa Fatwa

Jawatankuasa Fatwa Selangor dicadangkan supaya membahaskan isu-isu tersebut supaya perkembangan fiqh semasa akan membantu melahirkan undang-undang murtad yang semasa dan menepati kehendak *maqāsid shar'iyah*. Isu yang perlu diperbahaskan ialah:

6.2.13.1 Definisi Murtad

Seseorang dikatakan murtad apabila dia dengan secara sukarela meninggalkan agama Islam dan tidak lagi mengamalkan ajaran Islam sama ada dia Islam secara keturunan atau asalnya bukan Islam dan memeluk Islam. Oleh itu takrif yang digunakan di Malaysia iaitu keluar agama atau memeluk agama lain seperti Kristian atau Hindu kurang sesuai kerana boleh menimbulkan sentimen perkauman. Justeru cadangan Dato' Hj Mohd Murtadza Hj Ahmad, bekas mufti Negeri Sembilan mengenai takrif murtad supaya menggunakan istilah syarak perlu diambil perhatian. Takrif murtad yang dicadangkan adalah seperti berikut :

- a. menafikan kewujudan Allah;
- b. mensyirikkan Allah;
- c. menafikan dan mendustakan kerasulan Rasulullah S.A.W.;
- d. menghalalkan yang haram secara ijmak;
- e. mengharamkan perkara halal secara ijmak;
- f. menafikan perkara yang telah diijmakkan seperti menafikan jumlah rakaat sembahyang fardhu dan;
- g. menghina apa yang dimaklumi dalam Islam secara darurat.

6.2.13.2 Murtad dibahagikan kepada Murtad Ringan dan Murtad Berat

Pandangan Ibn Taimiyyah mengenai murtad perlu diambil perhatian bagi menangani isu murtad. Beliau membahagikan jenayah murtad kepada dua jenis iaitu :

- a. Murtad yang tidak menzahirkan kemurtadannya dan tidak menimbulkan fitnah di kalangan masyarakat Islam, hendaklah dilepaskan daripada hukuman bunuh apabila dia bertaubat.
- b. Murtad dan melakukan sesuatu yang melampaui batas seperti menghina Allah S.W.T. atau Rasul-Nya. Ataupun dia menambah kemurtadannya itu dengan jenayah yang lain seperti membunuh orang Islam atau mencuri harta dan sebagainya. Murtad seperti ini tidak diluputkan hukuman bunuh ke atasnya walaupun dia telah bertaubat.

Pendapat ini turut disokong oleh dengan menjelaskan bahawa jenis murtad boleh diklasifikasikan kepada jenayah murtad ringan dan berat. Walaupun Ibn Taimiyyah dan Yūsuf Qarḍhāwī membahagikan jenayah murtad kepada berat dan ringan tetapi sebenarnya kedua-dua jenayah tersebut memiliki unsur yang sama iaitu menafikan kebenaran Islam dan keluar dari Islam. Apa yang membezakan ialah situasi dan impak perbuatan murtad seseorang. Oleh itu ada kewajaran dibezakan hukuman antara murtad ringan dan berat. Namun demikian proses *istiṭābah* tetap berlaku bagi kedua-dua kategori.

Bagi melaksanakan cadangan ini, penyelidik mencadangkan pembahagian kepada dua kategori tersebut seperti berikut:

i. Ringan :

- a. murtad secara individu;
- b. murtad untuk mengelak dari dakwaan;
- c. percubaan murtad;
- d. takfir.

ii. Berat :

- a. murtad secara terbuka dan terang-terangan;
- b. murtad dan mengajak orang lain murtad;
- c. murtad beramai-ramai;
- d. murtad dan menghina Islam;
- e. murtad dari ajaran sesat.

6.2.13. 3 Murtad Sebagai Kesalahan Hudud atau Ta'zir

Syāfi'īyyah dan Mālikiyyah meletakkan perbahasan *riddah* atau murtad ini di dalam bab hudud sebagai salah satu jenayah hudud. Manakala Ḥanāfiyyah menggugurkan *riddah* sebagai sebahagian dari jenayah hudud. Keputusan dari Jawatankuasa Fatwa penting dalam isu ini kerana ia akan memberi kesan kepada perbicaraan kes murtad di Mahkamah Syariah. Jika murtad dikatakan sebagai jenayah hudud maka beban pembuktiannya hendaklah sampai ke tahap yakin tetapi jika ta'zir

cukup dengan hanya *ẓan al-ghālib*. Namun, sama ada jenayah murtad diletakkan dalam kategori hudud atau ta'zir kedua-duanya mempunyai alasan yang tersendiri.

6.2.13.4 Murtad Sebagai Kes Mal atau Jenayah

Seksyen 119, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 dan Seksyen 61 (3) (b) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 meletakkan kes murtad dalam kes mal (sivil). Berdasarkan analisis yang dibuat, langkah ini adalah berlawanan dengan *maqāṣid shar'iyah*. Oleh itu, perlu diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor perlu diputuskan sama ada murtad sebagai kes mal atau jenayah atau kedua-duanya sekali.

6.2.13.5 Status Anak yang dilahirkan Islam tetapi dibesarkan Sebagai Bukan Islam

Status anak orang Islam yang dibesarkan dengan agama bukan Islam memerlukan keputusan jawatankuasa fatwa. Ini kerana undang-undang yang ada pada masa ini menetapkan bahawa seorang Islam adalah seseorang yang salah seorang atau kedua ibu bapanya pada masa kelahirannya adalah orang Islam. Sedangkan ia dibesarkan sebagai orang bukan Islam. Justeru, tidak wajar meletakkan kesalahan kepada anak tersebut kerana dia menganut agama bukan Islam kerana itulah didikan yang diperolehinya. Maka benarlah sabda Rasulullah S.A.W. bahawa ibu bapalah yang akan mencorakkan agama anak-anaknya. Oleh itu, dalam kes ini yang bersalah adalah kedua ibu bapanya. Lebih malang lagi apabila pihak berkuasa agama tidak mengambil perhatian dalam kes seperti

ini. Seheingakan anak-anak orang Islam dibesarkan dalam keluarga atau institusi bukan Islam. Perbincangan ini bukan untuk mencari siapa yang bersalah tetapi untuk menjustifikasikan bahawa status anak tersebut perlu diputuskan oleh Jawatankuasa fatwa, bagi memudahkan Mahkamah Syariah melaksanakan tugasnya.

6.2.14 Menggubal Enakmen Perlindungan Akidah Islamiah

Kerajaan negeri Selangor dicadangkan menggubal Enakmen Perlindungan Akidah Islamiah seperti yang dibenarkan oleh Perlembagaan Persekutuan. Cadangan isi kandungan enakmen tersebut adalah seperti berikut :

Jadual 6.1 : Cadangan Kandungan Draf Enakmen Perlindungan Akidah Islamiyah Negeri Selangor.

Bil	Kandungan
1.	Tajuk ringkas,mula berkuatkuasa dan pemakaian.
2.	Tafsiran.
3.	Kewajipan MAIS memelihara kesucian Islam.
4.	Halangan kepada orang Islam mencemarkan kesucian akidah Islam. i. Penerbitan yang berlawanan dengan hukum shara'. ii. Menjual atau memberi anak kepada orang bukan Islam.
5.	Halangan orang bukan Islam menyebarkan dakyah kepada orang Islam.
6.	Proses pemelukan agama Islam.
7	Kewajipan selepas memeluk Islam.
8	Tanggungjawab MAIS kepada para muallaf.
9	Kesalahan syirik.
10	Murtad suatu jenayah.
11	Kesalahan akidah ringan : i. Pemujaan salah. ii. Mendakwa bukan Islam untuk mengelak tindakan. iii. Murtad untuk menceraikan isteri. iv. <i>Takfir</i> . v. Doktrin palsu. vi. Dakwaan palsu. vii. Mempersendakan ayat <i>al-Qur'an</i> atau <i>al-hadith</i> . viii. Menghina agama Islam. ix. Memusnahkan atau mencemarkan tempat ibadah.

Jadual 6.1 : sambungan.

	x. Murtad secara individu. xi. Percubaan murtad (mengaku murtad tetapi bertaubat semula). xii. Muallaf murtad. xiii. Pertukaran nama Islam kepada bukan Islam.
12	Kesalahan akidah yang berat : i. Murtad secara terbuka dan terang-terangan. ii. Murtad dan mengajak orang lain murtad. iii. Murtad beramai-ramai. iv. Murtad dan menghina Islam. v. Murtad dari ajaran sesat.
13	Hukuman ganti kepada jenayah percubaan murtad.
14	Pengesahan bukan Islam : i. Orang Islam yang dilahirkan Islam tetapi dibesarkan dengan agama bukan Islam, ii. Nama pada kad pengenalan seorang Islam tetapi sebenarnya bukan Islam; dan iii. Orang Islam yang diketahui kemurtadannya selepas beliau mati.
15	Perintah <i>istiṭābah</i> .
16	Penubuhan pusat pemulihan akidah.
17	Pakar perundingan akidah.
18	Pasca murtad ; (a) pembubaran perkahwinan; (b) pembahagian harta sepencarian; (c) hak perwalian; (d) hak pusaka; dan (e) <i>ḥadhanah</i> .
19	Lain – lain : i. Pengisytiharan murtad. ii. Kebenaran menggubal tatacara. iii. Sebarang lakuna undang-undang hendaklah dirujuk kepada hukum shara'.
20	Jadual.

6.2.15 Bidangkuasa Mal untuk Menjelaskan Keraguan Keislaman Seseorang

Mahkamah Syariah perlu diberi bidangkuasa mal bagi mengesahkan status seseorang itu Islam atau tidak dalam kes yang menimbulkan keraguan mengenai status keislamannya seperti kes *Nyoya Tahir*. Khususnya bagi kes:

- i. Orang Islam yang dilahirkan Islam tetapi dibesarkan dengan agama bukan Islam;

- ii. Nama pada kad pengenalan seorang Islam tetapi sebenarnya bukan Islam; dan
- iii. Orang Islam yang diketahui kemurtadannya selepas beliau mati.

Kes-kes tersebut bukan kes jenayah tetapi adalah kes mal (sivil). Oleh itu seksyen 61 (3) (b) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 perlu dikekalkan dengan membuat pindaan bagi membolehkan orang Islam yang diragui keislamannya diisytiharkan sebagai orang bukan Islam setelah dibuktikan bahawa dia bukan Islam di Mahkamah.

6.2.16 Tatacara Perbicaraan Kes Murtaf

Setiap kes murtaf dikategorikan sebagai jenayah. Perbicaraan boleh dibahagikan kepada dua fasa iaitu sebelum dan selepas *istitābah*. Pada fasa pertama, jika seseorang tampil membuat pengakuan melakukan jenayah riddah maka pengakuannya akan menjadi keterangan di mahkamah bahawa dia telah murtaf. Namun jika ia ditangkap berdasarkan aduan yang diterima oleh pihak berkuasa maka ia akan dibicarakan seperti penjenayah yang lain. Di antara anasir yang mesti dibuktikan di peringkat ini ialah sama ada mereka:

- a. Menafikan kewujudan Allah S.W.T;
- b. mensyirikkan Allah S.W.T;
- c. menafikan dan mendustakan kerasulan Rasulullah S.A.W.;
- d. menghalalkan yang haram secara ijmak;
- e. mengharamkan perkara halal secara ijmak;

f. menafikan perkara yang telah diijmakkan seperti menafikan jumlah rakaat sembahyang fardu; dan

g. menghina apa yang dimaklumi dalam Islam secara darurat.

Apabila wujud *prima facie* dalam kes ini dan mahkamah mendapati bahawa orang kena tuduh (OKT) telah murtad maka mahkamah hendaklah memerintahkan supaya dilakukan *istiṭābah* dengan badan profesional bagi memulihkan OKT.

Fasa kedua adalah selepas *istiṭābah*. Selepas Mahkamah Syariah menerima laporan dari badan profesional mengenai hasil proses *istiṭābah*, maka mahkamah perlu membuat keputusan sama ada:

i. membebaskannya dari hukuman murtad kerana telah bertaubat tetapi dikenakan hukuman *badal* sebagai peringatan supaya tidak melakukan perbuatan yang sama. atau;

ii. menjatuhkan hukuman dengan mengisytiharkan hukuman jenayah murtad. Sebelum pengisytiharan, maka mahkamah hendaklah menyelesaikan dahulu perintah berikut:

(a) pembubaran perkahwinan;

(b) pembahagian harta sepencarian;

(c) hak perwalian;

(d) hak pusaka; dan

(e) *ḥaḍhanah*.

Namun demikian tatacara ini perlu diperhalusi dari sudut teknikal undang-undang bagi memberikan keadilan kepada semua pihak.

6.2.17 Percubaan Murtad


Jika pemohon OKT bertaubat sama ada sebelum atau semasa perbicaraan, atau semasa atau selepas *istiṭābah* atau sebelum atau semasa hukuman hendak dijalankan, maka kesalahan murtad gugur dan kes selesai serta hendaklah direkodkan. Namun OKT boleh didenda oleh mahkamah kerana melakukan jenayah percubaan untuk murtad.

6.2.18 Model *Istiṭābah* (Khidmat Perundingan)

Murtad adalah jenayah akidah. Ia terlalu halus kerana ia berkaitan keimanan yang terletak di hati. Oleh itu khidmat perundingan bukan hukuman tetapi ia merupakan sebagai prosedur yang mesti dilalui dengan perintah mahkamah yang wajib dipenuhi oleh seorang yang murtad. Justeru sewajarnya proses ini dilakukan di tempat yang selesa dan bukan bersifat pusat tahanan. Malah pihak pemerintah hendaklah menanggung sepenuhnya perbelanjaan dan begitu juga kos hilang sumber mata pencarian OKT sepanjang sesi perundingan berjalan. Justeru, peruntukan zakat boleh digunakan bagi membantu proses khidmat perundangan ini berjalan lancar. Umpamanya untuk membayar kaunselor profesional, kemudahan tempat perundingan bertaraf lima bintang, ganti rugi hilang mata pencarian dan lain-lain.

Disamping itu, MAIS dicadangkan membangunkan alat pengukuran murtad bagi mengenalpasti tahap kemurtadan seseorang. Jika keputusan ujian mendapati OKT mengalami masalah psikologi seperti kecewa terhadap Islam maka ia hendaklah mengikuti proses kaunseling. Kehadiran kaunselor profesional yang berjiwa Islam boleh membantu pemohon memperbetulkan kecelaruan akidahnya dan kembali mengakui bahawa akidah yang sebenar adalah akidah islamiyah.

Gambarajah 6.1 : Cadangan Model Istitabah Secara Profesional



Apabila hasil ujian mendapati pemohon mengalami kekeliruan atau konflik dengan mana-mana pihak sehingga menyebabkannya terdorong untuk murtad maka dicadangkan ia mengikuti proses mediasi. Kemahiran mediator profesional merungkaikan konflik yang dihadapi akan membantu pemohon menyelesaikan masalah peribadinya tanpa menjejaskan akidah kepercayaannya.

Namun, apabila didapati tahap kemurtadannya sampai ketahap extrim seperti tidak sedarkan diri, meracau atau terkena perbuatan sihir maka kes seperti ini hendaklah

melalui proses terapi dan perlu mengambil ubat-ubatan untuk memulihkan keadaannya. Psikotoris Islam yang berkemahiran tinggi diharapkan boleh membantu memulihkannya.

Seorang mediator atau kaunselor pakar sewajarnya dilantik bagi memastikan proses perundingan berjaya. Jika berjaya, maka satu majlis taubat hendaklah diadakan. majlis taubat hendaklah dilakukan berdasarkan kategori murtad. Jika murtad yang ringan, memadai di hadapan mufti atau tokoh agama di sesebuah negeri. Tetapi jika murtad yang berat sewajarnya dibuat secara terbuka. Jika dapat disiarkan secara langsung di dalam media elektronik lebih baik agar pengikut –pengikutnya juga insaf.

Jika usaha ini telah dilakukan tetapi OKT tetap memilih untuk murtad maka tiada jalan lain melainkan hakim terpaksa menjatuhkan hukuman yang dibenarkan oleh undang-undang negara.

6.2.20 Hukuman

Berdasarkan bidangkuasa yang ada pada Mahkamah Syariah maka seksyen 185 Enakmen Pentadbiran Ugama Islam Dan Adat Resam Pahang 1982 boleh dijadikan contoh untuk kesalahan jenayah akidah.

“Mana-mana orang Islam yang menyatakan bahawa ia sudah keluar daripada agama Islam samaada secara lisan, bertulis atau apa-apa jua cara lain, dengan apa-apa jua tujuan adalah melakukan satu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan hukuman denda tidak lebih daripada lima ribu ringgit atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya sebatan tidak lebih daripada enam kali”

Hukuman ini tidak menepati hukum shara’, tetapi kaedah fiqh ada menyatakan “*tidak dapat semua jangan tinggalkan semua*”. Maka peruntukan yang sedia ada hendaklah dimanfaatkan. Di samping semua pihak berusaha untuk mengembalikan kedaulatan

hukum syarak. Walaupun kewajipan memelihara agama tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya mengikut hukum shara' tetapi sekurang-kurangnya ada hukuman ke atas pihak yang melakukan murtad.

6.2.20 Pengisytiharan Murtad

Memandangkan bidangkuasa Mahkamah Syariah tidak membenarkan hukuman bunuh maka dicadangkan supaya setelah hukuman dilaksanakan, Jabatan Agama Islam hendaklah membuat hebahan umum mengenai kemurtadan penjenayah tersebut supaya semua pihak mengambil maklum dan data diri orang yang murtad dapat dikemaskini sama ada di Jabatan Pendaftaran Negara, Bank, Pejabat Harta Pusaka, Amanah Raya dan semua institusi yang berkaitan agar kehilafan tidak timbul di kemudian hari.

6.2.21 Pusat Pemulihan Akidah

Pusat Pemulihan Akidah Baitul Iman, di Hulu Yam Selangor hendaklah dinaikkan taraf dari sudut :

a. Modul

Pakar-pakar perlu dipanggil untuk merangka sebuah modul yang berkesan untuk memulihkan akidah orang murtad. Oleh kerana shara' tidak menentukan secara khusus bagaimana proses nasihat itu dilakukan maka ia membuka ruang kepada *'urf* untuk mengambil tempat. Penulis mencadangkan mereka yang memohon atau didakwa murtad hendaklah diberi kursus selama seminggu sebelum melalui sesi mediasi atau kaunseling.

b. Kemahiran

Pegawai kaunselor atau mediator yang dilantik hendaklah terlatih dari sudut ilmu perbandingan agama dan kemahiran perundingan.

c. Perjawatan

Memandangkan tugas ini berat, sewajarnya mereka diberikan jawatan yang tinggi, sekurang-kurangnya gred S48 supaya pegawai yang telah lama bertugas, matang dan berilmu serta berkemahiran boleh dipilih bagi melaksanakan misi pemulihan ini.

d. Peruntukan

Pihak kerajaan negeri juga semestinya menyediakan peruntukan kewangan yang sewajarnya bagi membolehkan program ini berjalan lancar. Malah wang zakat juga boleh digunakan bagi membantu proses pemulihan.

e. Infrastruktur

Begitu juga dengan kemudahan infrastruktur. Program mediasi memerlukan tempat yang selesa dan sesuai. Oleh itu kerajaan perlu membangunkan pusat ini bukan berkonsepkan pusat tahanan tetapi lebih kepada konsep perundingan.

6.2.22 Menguasai 2/3 Ahli Parlimen Bagi Meminda Perlembagaan Persekutuan

AllahyarhamTan Sri Prof. Dr Ahmad Ibrahim telah berkata:

"Sungguhpun Perlembagaan Persekutuan itu tidak digubal sebagai Perlembagaan Negara Islam dia boleh dipakai dan dilaksanakan supaya ia sesuai atau sekurang-

kurangnya tidak bercanggah dengan ajaran Islam. Perlembagaan Persekutuan itu ialah ciptaan manusia dan dia tidak bebas dari kekurangan dan kesilapan. Ada cara memindanya. Jika orang Islam ingin Perlembagaan itu dijadikan lebih dekat dengan Islam, mereka harus mengikhtiar supaya mereka mempunyai kuasa memindanya, iaitu dengan mendaftar diri sebagai pemilih dan memilih wakil-wakil rakyat yang boleh ada majoriti dua pertiga dalam Dewan Rakyat dan Dewan Negara supaya pindaan itu dapat diterima. Inilah perlunya kita sepakat supaya kita boleh mencapainya hasrat bangsa, agama dan negara kita.”⁴

Datuk Dr. Abdul Hamid Othman, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri. dilaporkan oleh Utusan Malaysia pada 20 April 1998 bahawa draf undang-undang pemulihan akidah hampir siap.⁵ Namun demikian selepas 10 tahun berlalu undang-undang itu masih belum ada. Oleh itu, perubahan politik mesti dilakukan. Berdasarkan nasihat Allahyarham Tan Sri Prof. Dr. Ahmad Ibrahim maka menjadi kewajipan kepada semua umat Islam di Malaysia mendaftar sebagai pemilih dan mengundi parti politik yang bersedia dan berkeupayaan mendaulatkan Islam sebagai cara hidup di Malaysia. Merujuk perkara 159(3) Perlembagaan Persekutuan, 2/3 ahli Parlimen diperlukan bagi menyokong cita-cita mendaulatkan Islam untuk membolehkan pindaan Perlembagaan dilakukan.

6.2.23 Menyokong Perlaksanaan Undang-undang Murtad

Pemimpin negara dan negeri hendaklah memberikan sokongan yang padu semasa pengubalan dan pelaksanaan undang-undang murtad. Tragedi yang menimpa JAWI⁶ dan

⁴ Tan Sri Ahmad Ibrahim, Kedudukan Islam Dalam Perlembagaan Malaysia, http://tayibah.com/eIslam/Artikel/kedudukan_Islam.html, akses pada 15 Disember 2009.

⁵ “Draf Pemulihan Akidah Hampir Siap”, Utusan Malaysia, 20 April 1998, h. 3.

⁶ Samsiah Md Radyi, “JAWI Gempur Pesta Bogel”, Minggu Perdana, Bil 803, 27 Febuari 2005, hh. 1 dan h. 31; Abdul Aziz Bari, “Apabila Menteri Sendiri Gagalkan Undang-Undang”, Harakah (Sisipan Fikrah), 16 dan 31 Mac 2005, hh. 26 dan 32.

JAIS⁷ semasa menguatkuasakan enakmen jenayah syariah perlu diambil perhatian. Begitu juga dengan isu ratu cantik⁸ di Selangor yang menyebabkan Mufti Dato' Ishak Baharum dipecat kerana mempertahankan tindakan JAIS. Semua ini adalah gara-gara campurtangan parti politik pemerintah yang tidak senang dengan penguatkuasaan undang-undang Islam. Ironinya undang-undang ini diluluskan oleh mereka selaku ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri. Tetapi bila dilaksanakan mereka juga yang membantah. Apa yang lebih menghairankan mereka juga begitu lantang mengharapkan rakyat yang memiliki jati diri yang tinggi.

Fenomena ini telah memberikan tanggapan negatif kepada perundangan Islam. Ia semakin keruh apabila media dan kelompok anti Islam juga turut memberikan gambaran buruk kepada hukum syarak. Oleh yang demikian penguatkuasaan akan terbantut dan imej perundangan Islam akan tercalar serta mencacatkan keyakinan rakyat kepada perundangan Islam.

6.3 Kajian Seterusnya

Oleh kerana kajian ini menjurus kepada aspek undang-undang maka aspek sosial, ekonomi, politik dan lain-lain tidak disentuh secara mendalam. Oleh itu, penyelidik mencadangkan supaya dilakukan kajian lebih lanjut dilakukan mengenai :

- i. Keberkesanan sistem pendidikan di Malaysia dalam memelihara akidah orang Islam;

⁷ Abdul Aziz Bari, Isu Tangkapan di Premis Arak oleh JAIS: MB Ambil Alih Kuasa Sultan, (Penerbitan Tidak Berkala), hh. 13-14

⁸ Abdul Aziz Bari, Beauty Contest and Syariah Law, Sunday Sun, 27 Julai 1997, h. 19; Shad S. Faruqi, Beauty Contest and Syariah Law in Selangor [1997] 4 CLJ I.

- ii. Sejauhmanakah dasar-dasar yang diluluskan oleh kerajaan menepati konsep *ḥifz al-dīn*;
- iii. Alat pengukuran murtad bagi menentukan tahap kemurtadan seseorang;
- iv. Modul *istiṭābah* profesional, kaedah dan perlaksanaannya di zaman moden;
- v. Pengaruh media dalam melindungi kesucian akidah umat Islam;
- vi. Pengurusan dakwah JAIS dalam memelihara, melindungi dan mengembangkan agama Islam di Selangor.

6.4 PENUTUP

Berdasarkan kepada perbincangan di atas maka undang-undang murtad di Selangor belum memenuhi kehendak *maqāṣid shar'iyah* sepenuhnya. Walaubagaimanapun penyelidik amat yakin pengamal undang-undang Islam di Malaysia mempunyai ruang dan peluang yang besar bagi menjayakan misi menggubal undang-undang murtad yang lengkap dan komprehensif serta bertepatan dengan *maqāṣid shar'iyah*. Justeru itu, kesedaran perlu dibangunkan melalui wacana-wacana ilmiah dan penyelidikan yang berterusan bagi mencari jalan keluar yang bijaksana. Namun demikian para pemimpin politik juga hendaklah memainkan peranan yang aktif kerana rang undang-undang hanya boleh diluluskan jika mendapat sokongan yang padu dari pemimpin politik sama ada di Parlimen atau Dewan Undangan Negeri kerana merekalah yang akan meluluskan undang-undang tersebut. Cadangan yang dikemukakan ini adalah berdasarkan realiti undang-undang yang ada. Justeru jika berlaku perubahan-perubahan yang dicadangkan maka undang-undang yang ada boleh dipinda kerana sifat undang-undang itu ianya boleh digubal dan dipinda.